

**13 MEI 1969 DI KUALA LUMPUR** oleh Abdul Rahman Ibrahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2016 (Cetakan kedua). Halaman 129. No ISBN: ISBN 978-983-46-0706-

7

Buku *13 Mei 1969 Di Kuala Lumpur* yang dikarang oleh Abdul Rahman Ibrahim berkisar tentang peristiwa ketegangan kaum antara Melayu dan Cina yang berlaku di Kuala Lumpur. Bagi memudahkan plot penceritaan, buku ini dibahagikan kepada enam bab. Penulis turut memasukkan Senarai Jadual yang menjadikan bukti sokongan dalam menghuraikan setiap peristiwa 13 Mei 1969. Menurut penulis, penulisan peristiwa 13 Mei 1969 ini adalah mencakupi persoalan yang cukup kompleks melibatkan aspek politik, sosial dan ekonomi. Justeru, konflik ini apabila dilihat daripada sudut sejarah akan menjadi asas kepada kerajaan dalam menilai dasar yang bersesuaian untuk negara dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Permulaan bab buku ini menerangkan sejarah awal keadaan di Malaysia yang amat berkait rapat dengan teretusnya Peristiwa 13 Mei 1969. Dalam bab 1, penulis membincangkan tentang masyarakat majmuk dan perkauman di Malaysia. Topik ini dapat memberikan kefahaman kepada pembaca tentang sejarah dan asal usul masyarakat di Malaysia yang mempunyai tiga kaum etnik terbesar iaitu Melayu, Cina dan India. Sedangkan mengikut sejarah, pada peringkat awal Tanah Melayu hanya didiami oleh masyarakat Melayu. Dalam bab ini turut membincangkan sikap toleransi dan bertolak ansur yang tinggi dalam diri kaum Melayu. Kependudukan Inggeris di Tanah Melayu telah merencanakan penghijrahan penduduk daripada negara China dan India secara beramai-ramai. Mereka ini dibawa masuk ke Tanah Melayu untuk bekerja sebagai buruh di lombong dan di ladang getah. Tujuan awal kedatangan imigran Cina dan India adalah untuk bekerja semata-mata dan akan pulang setelah mendapat kekayaan, Namun selepas abad ke-20, keadaan berubah apabila jumlah orang Cina kian bertambah khususnya di negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat. Sikap yang tertanam dalam diri orang Cina yang tekun dan sanggup bekerja kuat serta berani menghadapi cabaran dan penderitaan telah mendatangkan kemajuan dalam memobilisasikan diri.

Orang Cina menjadi kaum yang kukuh ekonominya berbanding kaum-kaum lain di negeri - negeri Melayu. Orang Cina dilihat menunjukkan minat terhadap politik dan mulai menyuarakan hak dan kepentingan kaum mereka kepada British. Dalam pada masa yang sama, orang-orang Cina tetap meneruskan sistem pendidikan yang berkiblatkan negara China. Keadaan ini telah menimbulkan kegelisahan dan syak wasangka orang Melayu. Selain menerangkan tentang sejarah awal imigran, penulis juga menerangkan tentang pendudukan Jepun di Negeri-negeri Melayu dan keadaan yang berlaku semasa pendudukan Jepun selepas kekalahan Inggeris. Layanan yang diberikan oleh Jepun terhadap kaum Melayu agak baik berbanding dengan kaum Cina. Bibit perasaan perkauman menampakkan ketegangan semasa pendudukan Jepun kerana tiga tahun enam bulan semasa pemerintahan Jepun lebih memihak kepada orang Melayu. Kesannya Malaysia People Anti Japanese Army (MPAJA) ditubuhkan dan dianggotai oleh ramai kaum Cina. Selepas kejatuhan Jepun, MPAJA mula membalas dendam dan telah mengadakan pengadilan dalam "mahkamah rakyat" dan berterusan menjatuhkan hukuman yang zalim ke atas orang Melayu dengan menggunakan alasan bahawa Melayu bersubahat dengan Jepun.

Seterusnya bab 2 dimulai dengan sejarah Kuala Lumpur. Suatu ketika dahulu, Kuala Lumpur merupakan kawasan yang dipenuhi oleh hutan dan terdapat dua lorong sahaja iaitu Java Street dan Market Street. Kini, Kuala Lumpur menjadi ibu negara Malaysia. Dalam bab 2 ini, berkisar mengenai Kampung Baru iaitu penempatan kaum Melayu yang tertua dan merupakan kawasan simpanan Melayu yang paling lama. Dalam bab ini juga penulis membincangkan tentang perhubungan kaum di Kuala Lumpur khususnya sorotan pergaduhan Melayu dan Cina yang termasuk aspek politik selepas kemerdekaan. Perasaan syak wasangka dan curiga terus menerus mewarnai kehidupan masyarakat Melayu khususnya di Kuala Lumpur. Ketidakpuasan hati kaum Melayu juga timbul ketika merangka Perlembagaan Tanah Melayu dalam perkara berkaitan. isu termasuklah dasar yang diamalkan oleh British, layanan tentera Bintang Tiga terhadap orang Melayu selepas era pendudukan Jepun, hak istimewa orang Melayu iaitu yang berkaitan dengan perkara 152 dan 153 dalam Perlembagaan Persekutuan, tentang kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi bagi Malaysia serta ketidakadilan dalam pendidikan dan perkhidmatan awam terhadap orang bukan Melayu yang dipertikai kaum Cina. Kegagalan Parti Perikatan dalam menangani isu bahasa dan pendidikan telah mendapat bantahan yang hebat daripada kaum bukan Melayu.

Peristiwa 13 Mei 1969 bukan berlaku secara tiba-tiba, namun ini merupakan rentetan beberapa peristiwa yang berlaku sebelumnya. Dalam bab 3, perbincangan lanjut kepada masalah hubungan kaum Melayu dan Cina di Kuala Lumpur. Antara faktor yang menyumbang kepada peristiwa ini adalah kesan pendudukan Jepun dan peninggalan penjajah Inggeris. Amalan diskriminasi oleh pihak British telah merenggangkan lagi hubungan antara kaum Melayu dan Cina. Dasar 'Pecah dan Perintah' dan konsep British yang dilihat memihak kepada kaum bukan Melayu menyebabkan lama kelamaan mewujudkan jurang antara kaum dari sudut ekonomi dan polarisasi di negara ini. Kedudukan ekonomi masyarakat bumiputera menjadi lemah dan jauh ketinggalan. Corak kegiatan ekonomi yang berbeza inilah yang menjadikan kedudukan sosioekonomi mereka tidak seimbang. Latar belakang pendidikan yang berbeza juga antara punca teretusnya peristiwa ini. Peratusan keluarga miskin dalam kalangan kaum Melayu melonjak tinggi. Ketidakpuasan hati oleh kaum Melayu meruncing dengan isu kemiskinan yang tidak terbela ibarat miskin dan melarat di negara sendiri.

Dalam kehidupan masyarakat yang sentiasa mengejar arus pembangunan, media massa berperanan penting untuk merealisasikan impian masyarakat ke arah kehidupan yang lebih moden dan sejajar dengan wawasan negara. Media mampu menjentik hati dan minda para pembaca untuk turut sama merasai atau memikirkan perkara yang sama melalui paparan peristiwa yang berlaku serta pendapat tentang sesuatu hal ataupun masalah yang disiarkan,. Peranan media massa dalam merangsangkan ketegangan kaum antara orang Melayu dan orang Cina turut dibincangkan dalam Bab 4 ini. Perkembangan media cetak di negeri-negeri Melayu yang bermula seawal abad ke-19 banyak digerakkan oleh kaum pendatang. Sejak itu, peranan media cetak sebagai penyampai berita telah bertukar menjadi saluran atau wadah individu yang terlibat menyatakan pemikiran mereka tentang keadaan masyarakat Melayu yang mundur dan tertinggal di belakang kaum-kaum lain dalam arus kemajuan negara. Walaupun peranan akhbar dan majalah bercorak pemikiran ini diragui, namun tidak dapat dinafikan hakikat bahawa paparan tersebut telah sedikit sebanyak melahirkan bibit kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu tentang nasib serta kedudukan mereka apabila berhadapan dengan kaum asing. Kekuatan mata pena mampu membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan kaum Melayu dan bukan Melayu.

Peristiwa 13 Mei 1969 yang berlaku di Kuala Lumpur adalah berpunca daripada tindakan provokasi orang Cina ke atas orang Melayu. Bermula dengan rentetan daripada beberapa peristiwa sehingga pada 11 Mei 1969 iaitu satu perarakan meraikan kemenangan Parti Demokratik Rakyat (DAP) dan Parti Gerakan yang diadakan oleh kaum Cina tanpa mendapat permit daripada pihak polis yang berterusan sehingga tengah malam 12 Mei 1969. Perarakan yang disertai dengan teriakan yang menyinggung perasaan orang Melayu sambil menghamburkan kata-kata hinaan dan yang boleh menaikkan kemarahan orang Melayu. Antaranya ialah seperti ungkapan “Melayu mati”, “Malai Si”, “Kuala Lumpur sekarang Cina punya”, “Melayu balik kampung” “Halau semua polis”, dan lain-lain, sehingga ke tahap menunjukkan kemaluan. Kempen pilihan raya dan rusuhan kaum yang berlaku sebelum peristiwa 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur ditulis dalam bab 5. Bagi menghadapi pilihan raya pada tahun 1969, kempen-kempen yang dilakukan oleh oleh parti masing-masing lebih cenderung kepada perkauman dan secara terang-terangan memainkan isu perkauman termasuk isu-isu yang boleh memancing undi daripada kaum tertentu. Strategi yang dibawa oleh parti-parti politik sedikit sebanyak telah mengusik perasaan perkauman. Ini termasuklah tuduhan yang tidak berasas oleh Parti Buruh pada waktu itu dengan mengatakan pilihan raya tersebut dijalankan tidak berasaskan demokratik. Setiap parti mengeluarkan manifesto yang menarik serta pemedato parti-parti telah menggunakan isu perkauman yang dahsyat seperti hak-hak kesitimewaan orang Melayu, bahasa kebangsaan, serta isu pendidikan. Ibarat seperti mencurahkan minyak ke dalam api yang membara, Kebencian dan ketidakpuasan hati antara kaum semakin kuat sehingga teretusnya beberapa siri rusuhan di beberapa tempat sekitar Kuala Lumpur dan negeri-negeri lain. Perbincangan di dalam bab 5 ini telah membuka mata pembaca bahawa provokasi daripada parti-parti politik juga antara faktor yang telah memarakkan lagi kemarahan dan rasa ketidakadilan terhadap layanan serta agihan ekonomi kepada orang Melayu.

Bab terakhir iaitu bab 6, membincangkan kemenangan besar parti pembangkang semasa pilihan raya 1969 dan keadaan kemuncak yang membawa kepada berlakunya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Selama 12 tahun merdeka, puncak kekuasaan politik adalah di tangan orang Melayu walaupun hak politik tidak dinafikan untuk kaum lain. Ini jelas dengan kerjasama politik dalam parti Perikatan pada peringkat Persekutuan mahupun negeri. Dalam pilihan raya sebelum tahun 1969, prinsip politik seperti ini tidak dicabar dan tidak menggugat prinsip yang diamalkan. Walaubagaimanapun, pada pilihanraya 1969, prinsip itu telah tergugat apabila pihak pembangkang mencapai kemenangan yang tidak diduga. Di dalam penulisan di bab ini, penulis menyertakan jadual keputusan pilihan raya, gambar-gambar berkaitan serta rumusan wawancara daripada individu yang berada atau hidup semasa berlakunya peristiwa ini. Ini memberi nilai tambah kepada para pembaca untuk membuat rujukan lanjut tentang peristiwa yang terjadi. Perayaan kemenangan yang dianjurkan oleh DAP dan Gerakan pada 11 Mei 1969 lebih merupakan perarakan perkauman. Perarakan yang disertai dengan laungan kata-kata kesat dan hinaan terhadap orang Melayu telah disulami dengan pergaduhan yang melibatkan kecederaan malah kehilangan nyawa. Orang Melayu lebih kepada sikap sabar dan tidak mahu mengambil apa-apa tindakbalas, tetapi akhirnya kesabaran telah dicabar maka satu perarakan balas diadakan atas kebenaran pihak polis pada 7.30 malam 13 Mei 1969. Rusuhan telah berlaku di beberapa kawasan di Kuala Lumpur dan telah mengorbankan banyak nyawa, kemusnahan harta benda dan aktiviti negara lumpuh sama sekali. Peristiwa ini menyebabkan pengisytiharan darurat di seluruh negara oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi tujuan menjamin keselamatan dan keamanan negara. Darurat ini telah membawa kesan kepada perlembagaan dan Parlimen digantung malah demokrasi telah mati buat seketika di Malaysia.

Kesimpulannya buku ini adalah sebuah buku yang ringkas tetapi padat kerana memaparkan sejarah konflik antara kaum yang berlaku di tanah air dengan jelas. Tragedi ini memperingatkan rakyat Malaysia bahawa bukan faktor politik (MS Esa, 2020) semata-mata, tetapi faktor ekonomi seperti kesukaran hidup dan persaingan untuk survival boleh mencetuskan pergeseran etnik khususnya dalam anggota kelas bawahan. Kesan daripada tragedi ini, platform kesepaduan nasional mula dirangka dan diaplikasikan. Biarpun belum teguh, tetapi stabil, asas dan struktur rangka kesepaduan sosial yang lebih mantap terbina akibat trauma nasional selepas peristiwa 13 Mei 1969. Kesepaduan berlaku dalam suasana umumnya stabil dan aman, tetapi tersentak tegang oleh kerana keganasan etnik. Pengalaman pahit ini akhirnya sedikit sebanyak telah memantapkan rakyat Malaysia.

Konflik ras yang cukup terkenal dan sering disebut dalam sejarah negara Malaysia iaitu Tragedi 13 Mei 1969 ini sering ditafsir dari sudut yang lebih emosional tanpa memahami isu dan punca sebenar. Ini merupakan cabaran dalam isu perpaduan negara memandangkan Malaysia merupakan negara yang mempunyai masyarakat yang bebilang kaum dan etnik. Adalah menjadi satu cabaran dalam mengekalkan hubungan etnik antara kaum di Malaysia sekiranya perkara ini tidak diberikan kefahaman dan gambaran yang tepat, dikhuatiri boleh memberi mudarat terhadap usaha dalam menyatupadukan perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Oleh yang demikian buku ini dilihat dapat dijadikan sebagai rujukan dan dapat memberikan kefahaman gambaran yang jelas serta membantu para pembaca mengetahui perkara sebenar di sebalik Peristiwa 13 Mei 1969.

Penulis juga mengemukakan data-data, jadual, foto-foto serta peta penting yang berkaitan peristiwa turut disediakan dalam penulisan ini bagi memastikan penulisan yang lebih komprehensif. Ini boleh memberi kefahaman yang jelas kepada pembaca tentang konflik politik, konflik sosial dan konflik ekonomi dapat mendorong kepada tercetusnya rusuhan etnik pada 13 Mei 1969. Laras bahasa yang digunakan juga adalah baik dan mudah difahami serta sesuai dijadikan bacaan umum untuk semua lapisan masyarakat. Terdapat perkataan-perkataan khas atau kata nama khas yang diberikan maksud dengan tersedianya rujukan pada bahagian nota kaki dalam setiap helaian muka surat. Dengan ini memudahkan pembaca membuat rujukan segera sekiranya terdapat perkataan-perkataan yang sukar difahami. Jenis tulisan dan saiz tulisan yang digunakan bersesuaian dengan buku selain kertas yang digunakan berkualiti dan tidak berat untuk dibawa ke mana-mana. Kulit muka hadapannya memaparkan tajuk serta gambar semasa tragedi walaupun kualiti gambar yang kurang memuaskan, namun penulis berusaha menggunakan gambar sebenar bagi menarik minat pembaca. Foto serta biodata ringkas penulis juga dimasukkan selepas bab terakhir. Susun atur penulisannya kemas dan setiap bab baharu akan dimulakan pada halaman yang baharu.

## Rujukan

- Baharuddin, S. A. (2012). *Hubungan Etnik*. Bangi: Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hairol Anuar Mak Din, N. A. (2020). Hubungan Sosial Rentas Etnik ke Arah Pengukuhan Kesepaduan Sosial di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat UKM*, 107-112.
- Ibrahim, A. R. (2016). *13 Mei 1969 Di Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MS Esa, R. A. (2020). Majlis Gerakan Nasional MAGERAN : Usaha Memulihkan Semula Keamanan Negara Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 170-178.

Nor Azlah Sham Rambely, M. A. (2018). Dinamika Pembentukan Komuniti Dalam Sejarah. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan* (pp. 341-256). Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

**Zahanim Ahmad, Ayu Nor Azilah Mohamad**  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.